

14 NOV 1996

Chua - Insurans (Bergambar)

SKIM INSURANS KESIHATAN KEBANGSAAN DILAKSANA DALAM RMK7

PULAU PINANG, 14 Nov (Bernama) -- Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan dijangka dilaksanakan serentak dengan pengkorporatan hospital-hospital kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), kata Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, hari ini.

Beliau berkata jika hospital-hospital kerajaan akan dikorporatkan dalam tempoh RMK7, yuran atau bayaran perkhidmatan kesihatan akan meningkat yang boleh menjejaskan kemampuan golongan miskin dan berpendapatan sederhana mendapatkan rawatan.

Sehubungan itu, kerajaan akan melaksanakan skim insurans itu bagi membolehkan semua golongan masyarakat mendapat rawatan perubatan yang sewajarnya, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Diabetis Sedunia anjuran Persatuan Diabetis Malaysia Cawangan Pulau Pinang di sini.

Beliau berkata perancangan dan perincian skim itu kini dikendalikan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri manakala kajian mengenainya dijalankan syarikat perunding Rashid Hussain Health Care Bhd dan dijangka siap dalam masa tiga bulan lagi.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini di Port-of-Spain bahawa kerajaan sedang menimbang skim insurans kesihatan itu.

Ketika ditanya mengenai tarikh pelaksanaan skim itu, Chua berkata kerajaan berpendapat skim insurans itu wajar dilaksanakan semasa proses pengkorporatan hospital kerajaan kerana ia dapat membantu golongan pesakit kurang berkemampuan menerima perubatan yang bermutu.

Beliau berkata para pekerja mungkin diwajibkan membayar premium insurans itu secara bulanan kepada sebuah badan kebangsaan yang mengendalikan insurans berkenaan dan apabila seseorang pekerja sakit dan memerlukan rawatan, badan itu akan menguruskan soal pembayaran rawatan perubatannya.

Pelaksanaan skim kerajaan akan berjaya secara berkongsi ekuiti iaitu golongan sihat menampung pembiayaan mereka yang sakit dan kurang upaya dan golongan muda membantu golongan tua.

Soal bayaran premium itu tidak semestinya dilakukan setiap bulan, katanya sambil menambah cara itu berjaya dilaksanakan di banyak negara.

Beliau juga berkata kerajaan tidak mahu rakyat di negara ini menjadi seperti penduduk di beberapa negara maju yang tidak mendapat rawatan sempurna berikutan tidak mampu membayar yuran perubatan yang tinggi.

"Kerajaan sentiasa memberi jaminan bahawa golongan miskin dan sederhana akan diberi perhatian dalam soal perubatan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Chua menyarankan rakyat Malaysia supaya mengutamakan tiga perkara iaitu mengawal pemakanan, melakukan senaman dan menjaga berat badan bagi mengelakkan penyakit diabetis.

Diabetis merupakan ibu segala penyakit lain kerana ia menyerang bahagian-bahagian organ tubuh manusia yang boleh menyebabkan timbul penyakit lain seperti serangan jantung, tekanan darah tinggi dan buta serta membawa kesakitan, kesengsaraan, kecacatan dan kematian.

Kajian Pusat Pendidikan Institut Diabetis Antarabangsa menunjukkan bilangan pesakit kencing manis di Malaysia meningkat daripada 550,000 orang pada 1994 kepada 900,000 pada 2,000 dan 1.3 juta orang pada 2,010.

Ini bermakna dalam tempoh 16 tahun, bilangan pesakit itu di negara ini akan meningkat sebanyak 140 peratus, katanya sambil meminta kerjasama kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) supaya

menyampaikan mesej mengenai penyakit ini kepada seluruh rakyat dan mengadakan pelbagai program pendidikan mengenainya. -- BERNAMA  
ZU NAK